

14 SEP 1998

Ratu-Lawat

RATU ELIZABETH II AKAN LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Ratu Elizabeth II akan mengadakan lawatan negara ke Malaysia dari 20 hingga 23 Sept.

Baginda akan diiringi Duke of Edinburgh dan Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel Robin Cook, demikian menurut kenyataan Suruhanjaya Tinggi British di sini hari ini.

Ini merupakan lawatan baginda yang pertama sejak 1989 semasa Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel.

Menurut kenyataan itu, lawatan itu mencerminkan hubungan yang erat dan mesra antara Britain dan Malaysia.

"Ia juga menunjukkan komitmen Britain terhadap Malaysia, terutama ketika sedang dilanda masalah ekonomi sekarang," katanya.

Semasa di sini, Ratu Elizabeth akan menghadiri Sukan Komanwel Ke-16 dalam kapasitinya sebagai Ketua Komanwel.

Baginda akan menyaksikan beberapa acara dan beramah mesra dengan para atlit dan sukarelawan yang telah banyak membantu menjayakan sukan itu, menurut kenyataan itu.

Ratu Elizabeth akan merasmikan majlis penutup temasya sukan itu pada 21 Sept atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar yang turut akan mengadakan jamuan negara bagi meraikan baginda.

Baginda juga akan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan itu, baginda juga akan merasmikan satu pameran yang mempamerkan kreativiti industri Britain di ruang legar Menara Berkembar serta melawat beberapa tempat termasuk Kuala Lumpur City Centre (KLCC), pusat pendidikan British/Malaysia, pusat kanak-kanak istimewa dan pusat bagi orang-orang cacat penglihatan.

Duke of Edinburgh pula akan mengadakan lawatan yang berasingan termasuk mengadakan perjumpaan dengan peneraju utama dalam sektor pekhidmatan kewangan Malaysia dan melawat Cyberjaya untuk mendengar taklimat mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC).

-- BERNAMA

NHZ RHM KHY